

Jakmas KKTM anjur Pertandingan Da'I Muda UMS pertama

► Agar pelajar cakna dengan isu semasa



Pertandingan diadakan di Dewan Utama Kolej Kediaman Tun Mustapha.

Pengarah Program Nadzmar Dolla berkata, program di bawah exco kerohanian itu bertujuan mencipta satu pertandingan yang memberi impak berpanjangan kepada peserta dan penonton.

“Saya rangka program ini dengan tujuan mahu pelajar cakna dengan isu semasa dan memahami isu melalui konsep agama Islam khususnya.

“Pertandingan ini secara tidak langsung dapat membentuk sikap berani pelajar dalam bidang pengucapan awam.

“Pertandingan ini juga sebenarnya akan membuatkan peserta berani tampil di hadapan lebih 100 pelajar yang

KOTA KINABALU: Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTM) buat pertama kali mengadakan Pertandingan Da'I Muda UMS di universiti berkenaan.

Pertandingan yang berlangsung selama dua hari itu mendapat sokongan penuh daripada pelajar UMS.



HASBULLAH merasmikan Pertandingan Da'i KKTm 2018.

datang menonton,” katanya. Juara Pertandingan Da'I Muda UMS Norhisam Hashimudin berpuas hati dengan pertandingan itu.

Beliau yang membawa tajuk ‘Teknologi Alat Kemajuan atau Kemunduran’ telah

membuat juriterpegundangan peyampaiannya. Juara telah membawa pulang hamper, sijil dan trofi.

Menurut Felo Penyelaras Salwa Naidin, program itu merupakan idea bersama Jakmas dan Barisan Felo

dengan tujuan mencipta satu sejarah program berimpak tinggi di UMS.

“Kami mewujudkan pertandingan ini buat kali pertama dengan hasrat pertandingan seperti ini akan dibawa ke peringkat lebih



HISYAM juara Da'i 2018 KKTm.

tinggi,” katanya.

Da'i Muda UMS musim pertama itu dengan menggunakan dua bahasa iaitu Melayu dan Arab diadili juri jemputan yang juga pemenang Da'i Muda Rancangan TV3 2017, Da'i

Aiman.

Pertandingan itu dirasmikan oleh Pengarah Majlis Ugama Islam Sabah Datuk Seri Panglima Dr Hj Hasbullah Taha serta dihadiri oleh maahad tahfiz Prihatin Sabah.